


adat-adat  
dan dongeng-dongeng  
di sabah



biro kesusasteraan borneo

# adat-adat dan dongeng-dongeng di Sabah

oleh penuntut-penuntut dan bekas-bekas  
penuntut Sekolah Menengah St. Francis  
Xavier, Keningau, Sabah.

**dilukis oleh  
JAMALLUDIN YUSUF**



**BIRO KESUSASTRAAN BORNEO**

©BIRO KESUSASTRAAN BORNEO, 1974  
(dianjurkan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah)  
Jalan Tun Haji Openg,  
Kuching, Sarawak,  
Malaysia.

Dicetak oleh

by The Vanguard Press Sdn, Bhd, Kuching, Sarawak.

# KANDUNGANNYA

Muka

1. TELUR BERPUSING	
oleh Ignacia Olim .. .. .	1
2. BUAYOI DAN MASUNDU	
oleh Leong Pau Chu .. .. .	3
3. KAMPUNG LUMONDOU	
oleh Angela Kating .. .. .	6
4. KURUK MENUNTUT BELA	
oleh Vincent Gadalon .. .. .	9
5. PEREMPUAN BUTA DENGAN SEEKOR PENYU	
oleh Justine Fuk .. .. .	11
6. KERBAU DENGAN BURUNG PIMPIKAU	
oleh Syanislaus Kassun .. .. .	14
7. KOLAM GUBAU	
oleh Jilis Ismail .. .. .	16
8. BUAYA DI SUNGAI SOOK	
oleh Juliana Jusit .. .. .	19
9. PATUNG YANG MENANGIS	
oleh Ang Nyuk Chu .. .. .	22
10. ANAK KEMBAR YANG GANJIL	
oleh Jessie Teo .. .. .	25
11. DONGENG DI TAMPASAK	
oleh George Sadangkat .. .. .	27
12. KEMARAU	
oleh Julia Anahong .. .. .	30

13. BATU PUNGGUL	
oleh Harun Warso .. .. .	32
14. TAROB	
oleh Gabriel Batingon .. .. .	35
15. TENGGELAMNYA SEBUAH RUMAH PANJANG	
oleh Frederick Y. Subah .. .. .	38
16. DONGENG BATU BAJAU	
oleh Fidelis Insing .. .. .	41
17. DONGENG KIBAMBANGAN	
oleh Philip Litak .. .. .	43
18. GADIS YANG MERINDUKAN BULAN	
oleh Julia Anahong .. .. .	47
19. PALINGAS	
oleh Uding Linggi .. .. .	49
20. ADAT-ADAT MENGENAI KEMATIAN	
oleh Doos Ismail .. .. .	52

## TELUR BERPUSING

PADA masa dulu ada dua orang suami-isteri yang tinggal jauh terpencil di sebuah tempat yang dikelilingi oleh tujuh buah bukit.

Suatu hari si isteri itu telah melahirkan anak sulung mereka. Tapi suaminya tidak ada di rumah kerana ia telah diperintah untuk pergi berperang di negeri yang di sebelah bukit-bukit itu. Sebelum ia meninggalkan isterinya ia telah menaruh sebiji telur di dalam sebuah gelas. Ia memberitahu isterinya jika telur itu berpusing ini bermakna ia berada di dalam kesusahan. Lepas itu ia pun pergi dengan perasaan sedih.

Sambil ia berjalan ia membuat tujuh buah suki (cangkir buluh), dan mengisinya dengan air. Apabila sampai kepada bukit yang pertama ia pun meminumkan air yang di dalam suki itu tadi. Begitulah dibuatnya hingga ia sampai kepada bukit yang ketujuh.

Bila ia mendaki bukit itu ia pun ditangkap oleh musuh-musuhnya. Ia dipenjara selama beberapa tahun. Setelah itu ia pun dibawa keluar untuk dipukul hingga mati.

Maka tersebutlah kisah telur yang ditinggalnya tadi. Ia berpusing perlahan-lahan. Apabila isterinya melihat telur itu berpusing tahulah ia yang suaminya sedang di dalam kesusahan. Fikirnya tentulah ia tidak dapat berjumpa suaminya lagi.

Semakin hari telur itu semakin berpusing. Pada suatu hari ia berpusing dengan derasnya. Pada masa itu anak mereka sudah

besar. Anak itu bernama Pasok Momogun. Ia sangat gagah dan kacak.

Apabila pemuda itu melihat telur itu berpusing dengan tidak berhenti-henti maka ia pun bertanya kepada emaknya. Orang tua itu menceritakan apa yang telah berlaku kepada ayahnya. Mendengar cerita emaknya ia pun merasa sedih. Kemudian ia pun memberitahu emaknya ia hendak pergi mencari ayahnya.

Maka pada keesokan hari Pasok Mogogun pun berangkatlah. Ia mengikut jalan yang dilalui oleh ayahnya dulu. Akhirnya sampailah ia ke bukit yang ketujuh. Di kaki bukit itu dilihatnya ada sebuah kampung. Fikirnya tentu orang-orang di kampung inilah yang telah menangkap ayahnya. Maka ia pun berjalan menuju ke kampung itu dengan berhati-hati.

Penduduk di kampung itu sedang mengadakan satu majlis jamuan. Ramai daripada mereka nampaknya mabuk; hanya orang-orang perempuan dan kanak-kanak saja yang tidak.

Di tengah kumpulan mereka ternampak seorang yang kurus sedang terikat kepada sebatang tiang. Fikir Pasok Momogun itu tentulah ayahnya.

Maka ia pun pura-pura berbaik kepada mereka, dan berjanji yang ia akan menolong mereka berperang. Ia memuji-muji mereka. Kemudian ia menyuruh mereka minum tapai (tuak) banyak-banyak; untuk menyambut kedatangannya, katanya. Maka mereka pun minumlah hingga mabuk dan tertidur.

Apabila ia melihat mereka sudah mabuk dan tidak berdaya lagi ia pun memenggal kepala mereka dan membukakan ikatan ayahnya. Kanak-kanak dan orang-orang perempuan menjerit-jerit kerana takut, dan melihat darah. Mereka lari lintang pukang dari situ.

Ayahnya sangat gembira kerana telah diselamatkan. Pasok Momogun memberitahu orang tua itu bahawa ia adalah anaknya. Lepas itu mereka pun berjalan menuju ke rumah mereka dengan gembira.

## BUAYOI DAN MASUNDU

PADA zaman dulu ada seorang pemuda yang kacak bernama Buayoi. Ia baru saja berkahwin dengan seorang gadis yang bernama Masundu. Gadis ini ialah dari sebuah kampung lain. Setelah berkahwin Masundu pun pindah mengikut Buayoi ke kampungnya. Maka tinggallah adik lelaki dan ibu tuanya di rumah mereka.

Di kampung Buayoi ramai gadis-gadis yang telah jatuh hati kepadanya. Tapi ia telah memilih seorang gadis dari kampung lain untuk dijadikan isterinya. Maka mereka pun sakit hati dan dengki terhadap Masundu, dan mereka bercadang untuk membuat sesuatu helah supaya Buayoi menceraikan isterinya.

Maka tidak lama kemudian terdengarlah kepada Buayoi yang isterinya selalu berjumpa dengan seorang pemuda di dalam sulit waktu ia pergi berburu. Buayoi sangat marah dan terus pergi ke hutan membuat sebuah keranda. Mahu rasanya ia membunuh Masundu ketika itu juga, tapi ia takut kepada adik Masundu yang gagah dan besar daripadanya.

Awal pagi berikutnya dengan tidak usul-periksa lagi ia pun menuduh isterinya, dan membawanya ke sebuah tempat yang sunyi untuk dikubur hidup-hidup. Masundu menangis dan merayu mengatakan ia tidak bersalah. Tapi Buayoi tidak peduli. Kebetulan juga Masundu ada memelihara seekor ayam jantan yang sangat-sangat disayangnya. Maka ia pun membawa ayam itu bersamanya. Ia minta suaminya menguburnya di atas sebuah bukit dan mengikatkan ayam itu ke kerandanya.



Petang itu, setelah mengubur isterinya, ia pun balik ke rumahnya. Ketika ia sedang duduk bersedih di tangga tiba-tiba ia terdengar ibunya bercakap-cakap dengan seorang perempuan di belakang rumah itu.

"Tolong beritahu Masundu jangan himbang tentang apa yang didengarnya. Itu semuanya fitnah yang dibuatkan oleh gadis-gadis yang dengki kepadanya," kata perempuan itu.

Alangkah menyesalnya Buayoi. Tapi apa yang dapat dibuatnya lagi. Walaupun dia pergi menggali kubur itu, namun Masundu tentu sudah mati.

Tujuh hari kemudian maka turunlah ribut yang sangat dahsyat. Hujan turun mencurah-curah, diikuti oleh kilat yang sabung menyabung. Hujan yang lebat itu telah menghanyutkan keranda itu ke lereng bukit dan terus ke sebuah sungai yang bah. Maka hanyutlah keranda itu di dalam sungai itu, dengan ayam jantan tadi di atasnya. Sambil berhanyut ayam itu berkokok meminta tolong.

"Kuk...ku-uk! Tolonglah kami! Selamatkanlah kami dari airbah ini! Dalam keranda ini ialah Masundu. Ia telah dikubur oleh suaminya hidup-hidup!"

Ayam jantan itu tidak berhenti-henti minta pertolongan. Tapi sungguhpun ramai orang yang mendengarnya, mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana air terlalu deras. Akhirnya keranda dan ayam itu telah diselamatkan oleh adik Masundu sendiri. Ia telah mendengar kokok ayam itu dari rumahnya yang di tebing sungai itu. Alangkah marahnya apabila didapatinya kakaknya di dalam keranda itu. Ia pun meminta pinang kepada ibunya dan menyapu air pinang itu ke seluruh tubuh Masundu, sambil itu sambil menjampi. Maka tidak lama kemudian tubuh Masundu yang sejuk itu mula beransur panas, muka yang pucat lesi bertukar menjadi merah jambu. Masundu telah hidup semula.

Apabila diketahuinya Buayoi telah menyiksa kakaknya maka rasa hendak dicincangnya Buayoi ketika itu juga. Ia hendak menyerang kampung Buayoi tetapi Masundu melarangnya sebab ia masih sayang kepada suaminya.

Maka sampailah ke telinga Buayoi yang isterinya telah terselamat dari kuburnya 'dan sekarang sedang berada di rumahnya di kampung. Ia hendak pergi menemui isterinya di sana, tapi ia takut kepada adik-iparnya. Tentu adik-iparnya tidak mahu memaafkannya di atas perbuatannya kepada Masundu. Tapi oleh kerana terlalu ingin hendak berjumpa isterinya lagi maka ia pun menetap hendak pergi, walaupun apa yang akan terjadi.


Apabila sampai ke rumah isterinya ia pun meminta maaf di atas kesalahannya. Ia sanggup berkorban apa saja asalkan Masundu mahu kembali kepadanya. Maka adik Masundu pun lalu berkata:

"Aku hanya akan membenar kakakku kembali kepadamu jika kamu membawa semua orang kampungmu ke sini."

Maka Buayoi pun setuju. Ia menepuk tangannya dan dengan sertamerta itu juga kedengaran bunyi burung bersiulan dan bernyanyi-nyanyi di sekeliling rumah itu. Di luar rumah terdengar riuh-rendah bunyi orang bercakap-cakap.

Masundu menyuruh suaminya balik dulu; ia sendiri akan mengikutinya kemudian. Dan bila ia balik ia membawa setengah daripada orang kampung itu bersamanya.

Apabila Buayoi sampai ke rumahnya Masundu sudah sedia menunggu di sana. Dilihatnya rumahnya terhias dengan cantik. Gembiranya Buayoi tidak terhingga. Maka dari hari itu mereka pun hiduplah dengan aman dan bahagia.



## KAMPUNG LUMONDOU

PADA masa dulu ada sebuah kampung yang kecil yang dikelilingi oleh hutan belantara. Di dalam hutan yang tebal itu tinggal seekor singa tua. Oleh kerana terlalu tuanya maka ia tidak dapat menangkap binatang-binatang untuk jadi makanannya. Singa itu dipanggil Mondou.

Pada suatu malam ketika semua orang sedang tidur nyenyak maka singa itu pun masuk ke kampung itu. Pada masa itu banyak rumah di kampung itu tidak berdinging, dan kalau ada pun hanya setengah saja. Maka singa itu pun melompatlah masuk ke sebuah rumah. Orang-orang di rumah itu tidak sedar. Maka singa itu pun menerkam seorang kanak-kanak dan membawanya lari ke dalam hutan.

Apabila orang-orang di rumah itu bangun pada keesokan harinya maka alangkah terperanjatnya mereka melihat anak mereka hilang. Anak itu ialah anak yang tertua sekali daripada anak-anak mereka yang enam orang. Maka mereka pun mencarilah di sekeliling rumah, tapi tidak juga bertemu. Maka mereka pun pergilah mengadu kepada Datuk Penghulu. Malangnya Datuk Penghulu tidak di rumah; ia sedang menghadiri majlis jamuan di rumah sanak-saudaranya.

Selama tiga hari keadaan di kampung itu seperti biasa saja. Tapi pada hari yang keempat singa itu datang lagi. Apabila dilihatnya orang-orang kampung itu ramai berjalan ke sana ke mari ia pun lari balik ke dalam hutan. Tengah malam baru ia datang lagi.



Kanak-kanak itu dibawanya ke dalam hutan.

Kali ini ia melompat masuk ke rumah Datuk Penghulu dan membunuh anak sulungnya. Kemudian kanak-kanak itu dibawanya lari ke dalam hutan. Datuk Penghulu dan keluarganya tidur nyenyak dan tidak sedar apa yang telah berlaku kepada anaknya.

Apabila Datuk Penghulu bangun ia terus pergi ke bilik anaknya untuk mengajaknya pergi berburu. Tapi anaknya tiada di situ. Yang kelihatan di sana ialah titisan-titisan darah di atas tikar. Datuk Penghulu sangat sedih. Ia tahu tentu anaknya telah dibunuh oleh singa. Maka ia pun memerintah anak-anak kampung untuk berjaga-jaga.

Akan singa itu ia tidak datang ke kampung itu selama tiga hari. Tapi pada hari yang keempat ia datang lagi. Kali ini orang kampung sudah sedia menunggu kedatangannya.

Malam itu bulan bersinar dengan terangnya. Singa berjalan berhati-hati masuk ke kampung. Apabila dilihatnya keadaan tenang saja ia pun terus melompat naik ke sebuah rumah. Mendengar bunyi singa itu maka orang-orang di rumah itu pun menjerit. Orang-orang kampung datang membawa lembing dan melemparkannya ke arah singa itu. Tapi ia dapat melarikan diri.

Apabila hari siang orang-orang kampung pun memasang buluh-buluh yang telah ditajamkan di rumah masing-masing. Pada malam itu singa datang lagi. Apabila ia melompat naik ke rumah di situ ia pun terus tercucuk oleh buluh-buluh tadi. Maka ia pun jatuh ke tanah. Orang-orang kampung yang sedang menunggunya pun terus membunuhnya.

Kemudian orang-orang di kampung itu pun menggelarkan tempat itu Lomundou, untuk mengingatkan singa yang terbunuh di situ.

## KURUK MENUNTUT BELA

PADA masa dulu boleh dikatakan semua puak-puak di sini menaruh kepercayaan kepada benda gyaib. Dan penyakit-penyakit juga dipercayai dibawa oleh hantu dan syaitan. Jadi mereka terpaksa berbuat baik dengan hantu-hantu kalau hendakkan kesihatan. Perbuatan ini digelar mereka Mogondih.

Pada suatu hari seorang budak telah pergi memancing ikan di sebuah sungai. Maka dapatlah ia empat ekor ikan kuruk. Ikan-ikan itu dibawanya pulang dan ditaruhnya di dalam sebuah pinggan sementara ia menjerang periuk di dapur. Sedang ia sibuk itu adiknya datang, dan dengan tidak diketahuinya telah mengambil seekor ikan. Ikan itu dimasukkannya ke dalam mulut. Entah bagaimana ikan itu telah melompat terus masuk ke rengkungnya dan terus melekat di situ. Maka kanak-kanak itu pun matilah.

Maka keluarga kanak-kanak itu pun sangatlah sedih. Bapanya sangat marah dan berazam untuk menuntut bela. Maka ia pun pergi ke anak sungai itu dan menangkap ikan-ikan kuruk itu dengan bubu. Kemudian ia pun balik ke kampungnya dengan membawa bubu yang hampir penuh dengan ikan-ikan kuruk itu. Maka orang-orang kampung pun mengadakan majlis Mogondih dan memakankan ikan-ikan itu. Sementara itu beberapa orang daripada mereka telah menari-nari sambil makan.

Tiba-tiba angin pun bertiup dengan kencangnya, diikuti pula oleh hujan lebat dan guruh-kilat. Orang-orang tadi pun gemparlah. Angin berhenti dengan tiba-tiba. Dari jauh kelihatan binatang-

binatang seperti gunung datang menuju ke kampung itu. Maka orang-orang kampung pun menjadi takut dan lari meninggalkan kampung itu. Tetapi ada juga yang tinggal. Apabila binatang-binatang itu sudah hampir dekat, jelaslah kepada orang-orang yang tinggal itu binatang-binatang itu ialah ikan kuruk yang datang beramai-ramai. Maka sadarlah mereka bahawa ikan-ikan ini telah datang untuk menuntut bela. Mereka pun menyediakan air panas untuk membunuh ikan-ikan itu, tapi ikan-ikan itu tidak dapat dikalahkan. Ikan-ikan itu melompat masuk ke dalam mulut orang-orang yang tinggal itu, kemudian keluar melalui jubur mereka. Maka semua orang itu pun matilah. Hanya mereka yang telah lari meninggalkan kampung itu saja yang selamat. Mereka inilah yang menceritakan kisah ini kepada cucu-cicit mereka.



# PEREMPUAN BUTA, DENGAN SEEKOR PENYU

PADA masa dulu ada seorang perempuan yang buta. Ia mempunyai seorang anak lelaki bernama Kumbir yang baru saja berkahwin. Isteri Kumbir adalah seorang yang sombong dan ia tidak mahu memelihara ibu Kumbir. Ia menyuruh Kumbir mendirikan sebuah rumah baru untuk mereka sendiri. Oleh kerana sayangkan isterinya Kumbir pun membuat sebuah rumah. Apabila rumah itu siap mereka pun berpindahlah ke rumah baru itu. Maka tinggallah ibu Kumbir yang buta itu seorang diri.

Bila orang tua itu terasa lapar dan dahaga ia pun memanggil-manggil anaknya. Apabila panggilannya itu tidak mendapat jawapan ia pun meraba-raba mencari makanan di dalam rumah itu. Tapi tiada suatu apa pun yang dijumpainya. Maka ia pun turun dari rumah itu. Ia tidak tahu ke mana hendak dituju. Maka berjalanlah ia teraba-raba hingga ia sampai ke tebing sungai.

Seekor penyu yang besar memerhati orang tua itu. Ia merasa kasihan lalu menegurnya dan bertanya ke mana ia hendak pergi. Akan orang tua itu diceritanyalah kisahnya. Akhirnya ia berkata yang ia sedang mencari anaknya. Penyu kasihan mendengar ceritanya lalu ia pun menyuruh orang tua itu naik di atas belakangnya. Katanya ia akan membawa orang tua itu ke rumah anaknya.

Apabila mereka sampai dekat rumah anak perempuan tua itu penyu pun menyuruhnya turun dari belakangnya. Tapi sebelum itu penyu itu berkata:





Kura-kura itu membawa perempuan tua itu ke atas belakangnya.

"Berjanjilah kepadaku sesuatu. "

"Baiklah," kata perempuan tua itu.

"Dari sekarang janganlah keturunan kami dibunuh atau diapa-apakan," kata penyu itu lagi. "Kalau kaumku diapa-apakan, kaummu akan kusumpah, kerana aku telah menyelamatkan kamu. "

"Aku berjanji," kata perempuan tua itu sambil mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada penyu yang telah menyelamatkannya tadi.

Maka alangkah terperanjatnya anak dan menantunya apabila mereka melihatnya. Mereka juga menyesal di atas perbuatan mereka meninggalkannya seorang diri. Maka mereka pun meminta maaf dan ampun di atas kesalahan mereka itu. Orang tua itu pun memaafkan mereka. Kemudian ia pun menceritakan apa yang telah berlaku kepadanya; dan juga janjinya kepada penyu tadi.

Kumbir pun memberitahu orang-orang kampung apa yang telah diceritakan ibunya kepadanya. Sejak hari itu ramai orang tidak mahu membunuh atau mengapa-apakan penyu.



## KERBAU DENGAN BURUNG PIMPIKAU

KONONNYA pada suatu masa dulu kerbau ada bergigi di kedua-dua rahangnya seperti manusia. Cerita di bawah ini mengisahkan mengapa sekarang ini kerbau itu hanya bergigi di rahang bawahnya saja.

Pada suatu hari seekor kerbau telah pergi memakan rumput di sebuah padang. Di padang itu juga seekor burung kecil sedang berehat-rehat. Burung ini sama tingginya dengan rumput di padang itu. Tapi ekornya panjang dan cantik. Oleh kerana bentuknya yang kecil itu maka senanglah ia menyembunyikan dirinya jikalau ada musuh yang hendak menyerangnya. Tapi oleh kerana ianya ter-sangat kecil maka dengan mudahlah ia terpijak oleh binatang-binatang seperti kerbau dan sebagainya.

Maka tersebutlah kisah kerbau tadi. Dalam ia memakan-makan rumput di padang itu terpijaklah ia ekor burung tadi. Burung itu meronta-ronta dan menjerit-jerit kerana kesakitan. Tapi kerbau tidak mendengar jeritannya. Maka ia pun meronta-ronta lagi. Kebetulan juga mulut kerbau itu hampir benar dengan burung yang meronta-ronta itu. Jadi semua gigi yang di rahangnya yang di atas itu pun semuanya habis terpelanting kena tendang burung tadi. Pendek ceritanya, maka akhirnya burung itu pun dapatlah melepaskan diri. Malangnya semua ekornya sudah tercabut. Maka marahnya burung itu bukan kepalang; begitu juga kerbau apabila didapatinya gigi atasnya tiada lagi. Mereka pun berkelahi dan sumpah menyumpah. Akhirnya kerbau pun berkata mulai dari hari itu

burung itu dan keturunannya tidak akan berekor lagi. Burung itu juga menyumpah kerbau dan mengatakan mulai dari hari itu kerbau dan keturunannya hanya bergigi bawah saja.

Itulah sebabnya hingga ke hari ini burung itu tidak berekor. Burung ini disebut orang Kadazan pimpikau.



## KOLAM GUBAU

PADA suatu masa dulu ada sebuah rumah besar di Pogun Tinondok. Rumah itu ialah rumah Gubau.

Pada suatu hari Gubau telah menjemput ramai sahabat-sababat dan jiran-jirannya ke rumah itu. Mereka minum tapai dan menari-nari. Apabila mereka sudah mabuk tapai mereka pun mengambil seekor kucing dan seekor monyet yang di dalam rumah itu. Binatang-binatang itu mereka pasangkan baju dan seluar.

Perbuatan itu telah diperhatikan oleh anak perempuan Gubau. Ia seorang saja yang tidak mabuk. Ia duduk di dalam biliknya kerana ia sedang menantikan masa melahirkan anak. Apabila dilihatnya perbuatan mereka itu ia pun menjadi takut.

Apabila binatang-binatang itu telah dikenakan pakaian, mereka pun di ajar menari. Mula-mula binatang-binatang itu tidak mahu menari, tapi akhirnya mereka pun mengikut juga. Malah mereka juga tahu memukul gong dan meminum tapai kerana mereka sudah dirasuk syaitan. Wah, apatah lagi gembiranya orang-orang di rumah itu melihat binatang-binatang itu. Mereka bersorak dan menjerit-jerit kesukaan. Apabila Betara Kinoringan melihat perbuatan ini murkalah ia. Lalu ia pun memutuskan untuk menghukumkan mereka-mereka yang mentertawakan binatang-binatang itu.

Maka oleh kerana mereka sangat gembira itu tidaklah mereka sedar hujan-ribut telah turun dengan tiba-tiba. Rumah itu pun mulai tenggelam. dengan perlahan-lahan. Cuma yang tinggal ialah




Binatang-binatang itu dikenakan mereka pakaian dan diajar menari.

bilik anak Gubau. Namun demikian orang-orang di rumah itu belum juga sadar akan kejadian itu.

Anak Gubau pun melahirkan anak. Apabila ia turun ke tanah untuk mengambil air untuk memandikan anaknya yang baru lahir itu dilihat bumbung rumah itu saja yang timbul di atas tanah itu. Ketika itu jugalah baru orang-orang yang di dalam rumah itu tadi sadar apa yang telah terjadi kepada mereka. Maka mereka pun menjerit-jeritlah minta tolong. Beberapa orang pun datanglah untuk menolong. Mereka menghulurkan sebuah bakul besar ke rumah yang tenggelam itu. Tapi apabila bakul itu ditarik ke atas cuma setengah tubuh manusia saja yang dibawa oleh bakul itu ke atas. Mereka coba lagi menghulurkan bakul itu. Keadaan yang sama juga berlaku. Kononnya orang-orang yang di dalam rumah yang tenggelam itu telah membunuh mereka sama sendiri supaya tidak seorang pun yang dapat diselamatkan.

Akhirnya rumah itu pun tenggelamlah. Apa yang tinggal sekarang ialah sebuah kolam - kolam Gubau, dekat Kampung Bunsit.



## BUAYA DI SUNGAI SOOK

PADA masa dulu Sungai Sook, yang dekat Kampung Sook, banyak berbuaya. Tapi sekarang ini sungai ini tohor saja, dan waktu musim hujan airnya dalam, dan waktu itu sajalah ada kelihatan buaya-buaya di sana.

Pada masa dulu juga orang-orang di kampung itu tidak berani mandi di dalam sungai itu kerana takutkan buaya-buaya itu. Jadi jikalau mereka hendak mandi terpaksa mereka mengambil air itu dengan pontong-pontong buluh dan mandi di rumah mereka.

Sekarang ini orang-orang di sana tidak takut lagi mandi di sungai itu; bahkan kanak-kanak pun berani berenang di sana. Ini ialah di sebabkan oleh seorang perempuan tua.

Kononnya pada suatu hari seorang perempuan tua telah mandi di sungai itu. Sebelum mandi ia telah menyangul rambutnya dan menyematkannya dengan penyemat rambut yang digelar timbuk. Timbuk itu panjangnya enam inci. Apabila orang tua itu turun ke sungai itu ianya terus disambar dan ditelan oleh seekor buaya. Maka timbuk itu pun melekatlah di tekak buaya itu tadi. Jadi ianya pun sakitlah.

Buaya itu tadi ialah anak kepada penghulu buaya di sungai itu. Apabila melihat anaknya sakit itu maka penghulu itu pun bimbanglah. Maka ia pun memanggil penasihat-penasihatnya. Seekor daripada mereka memberitahunya di kampung itu ada seorang



perempuan yang bernama Aru Taul siapa yang boleh mengubat orang-orang sakit. Maka penghulu itu pun menyuruh seekor daripada buaya-buaya itu pergi menjemput Aru Taul untuk mengubat anaknya.

Nasib buaya itu baik kerana kebetulan juga waktu itu perempuan itu sedang mandi di tebing sungai itu. Jadi ianya pun menukarkan rupanya.

Alangkah terperanjatnya Aru Taul apabila dilihatnya seekor buaya yang berkepala seperti manusia tiba-tiba timbul di dalam sungai itu. Ia pun cepat-cepat hendak lari meninggalkan tebing itu. Tapi buaya itu menahannya. Katanya ia datang untuk menjemputnya. Aru Taul takut; ia tidak mahu mengikut buaya itu. Buaya itu memujuknya dan akhirnya Aru Taul pun setujuilah.

Maka buaya itu pun menyuruh Aru Taul naik ke atas belakangnya dan menyuruhnya memejamkan matanya. Aru Taul mengikut saja, dan mereka pun pergilah meninggalkan tempat itu.

Setelah lama mereka berjalan barulah buaya itu menyuruh Aru Taul membukakan matanya. Perempuan itu amat takut apabila dilihatnya di sekelilingnya banyak buaya. Tahulah ia yang ia sedang berada di dalam negeri buaya.

Sebentar kemudian ia pun dibawa ke bilik buaya yang sakit itu. Penghulu buaya itu menyuruhnya mengubat anaknya. Katanya ia akan memberi apa saja yang ia minta kalau ia dapat menyembuhkan anaknya dari penyakit itu.

Maka Aru Taul pun melihat ke dalam mulut buaya yang sakit itu. Terlihat kepadanya timbuk yang melintangi kerongkong buaya itu. Sekarang-tahulah ia bahawa buaya inilah yang menangkap perempuan yang hilang dari kampungnya tidak beberapa lama dulu.

Maka Aru Taul pun mendapat satu akal, lalu ia menyuruh buaya-buaya di situ memejamkan mata mereka. Lepas itu ia pun menyeluk ke dalam mulut buaya yang sakit tadi dan mencabutkan

timbuk itu. Demi tercabut saja timbuk itu buaya itu pun merasa lega. Kemudian barulah Aru Taul menyuruh buaya-buaya itu membukakan mata mereka.

Apabila mereka melihat buaya yang sakit itu sudah sembuh mereka pun mengucapkan terimakasih kepada perempuan itu. Aru Taul menunjukkan timbuk itu kepada penghulu buaya itu. Katanya anak penghulu itu sakit kerana ia telah memakan seorang manusia. Aru Taul memberitahu buaya-buaya di situ semua orang-orang kampung di situ memakai timbuk. Jadi kalau mereka menangkap manusia, dan kemudian jatuh sakit, ia tidak mahu lagi menolong mengubat mereka. Maka buaya-buaya itu pun takutlah. Penghulu buaya itu berjanji ia dan anak-anakbuahnya tidak akan menangkap manusia lagi, kecuali kalau manusia itu mengganggu mereka. Lepas itu ia pun menghadihkan Aru Taul dengan emas dan per-mata, dan menghantarnya pulang.

Maka sejak hari itu orang-orang di kampung itu tidak takutkan buaya-buaya yang di dalam Sungai Sook itu. Buaya-buaya itu juga digelar mereka "Aru Taul" kerana memperingatkan kisahnya ber-baik-baik dengan buaya-buaya di situ.



## PATUNG YANG MENANGIS

PADA suatu masa dulu ada seorang putera raja yang baik-budi. Baginda memerintah negerinya dengan adil dan saksama. Rakyat baginda sangat sayangkan baginda.

Pada suatu hari baginda telah jatuh gering (sakit). Rakyat berusaha mengubati baginda, tapi setelah gering selama sebulan baginda pun mangkat. Maka rakyat baginda pun berdukacitalah.

Untuk memperingatkan raja mereka yang mereka telah kasihi itu, mereka pun bekerja sama membuatkan sebuah patung di atas makamnya. Setelah beberapa lama maka patung itu pun siaplah. Tubuhnya berbalut dengan keping-keping emas, dan matanya dibuat daripada dua biji intan.

Pada suatu hari hujan turun dengan lebatnya. Pasa masa itu seekor burung layang-layang telah sesat jalan. Hujan turun men-curah-curah dengan tidak berhenti-henti. Apabila ia ternampak patung yang besar itu ia pun berteduh di bawah kaki patung itu.

Apabila hujan sudah berhenti burung layang-layang itu pun hendak terbang meninggalkan patung itu. Tapi apabila ia hendak terbang setitik air telah jatuh di atas kepalanya. Ia terkejut. Fikirnya tentulah hujan turun kembali, jadi ia pun menunggu. Sebentar kemudian didapatinya air yang jatuh tadi bukannya air hujan tapi air yang menitis dari kelopak mata patung itu.



..... seorang yang telah ditolong burung itu terjumpa bangkainya di kaki patung itu.

Maka burung layang-layang itu pun terbang dan hinggap ke bahu patung itu. Apabila dilihatnya patung itu menangis ia pun bertanya mengapa. Kata patung ia menangis kerana ia sedih melihat rakyatnya hidup dalam kesusahan. Kemudian ia minta burung itu menolohnya dengan mengambilkan sekeping emas dari badannya dan memberikannya kepada seorang keluarga yang anaknya sakit kuat. Maka burung itu pun membuatlah apa yang disuruh oleh patung itu. Apabila ia balik dilihatnya patung itu masih lagi menangis. Ia kasihan melihatnya lalu ia pun mengambil keputusan untuk menolohnya. Maka berulang-aliklah ia mengambil dan menghantar kepingan-kepingan emas dari tubuh patung itu ke rumah-rumah keluarga yang miskin:

Lama kelamaan emas yang membalut tubuh patung itu pun habislah. Yang tinggal hanya dua biji mata intannya. Ini juga disuruhnya burung itu mengambil dan memberi kepada seorang keluarga miskin, dan seorang peminta sedekah yang buta. Lepas itu tidaklah patung itu dapat melihat penderitaan rakyatnya lagi, tapi burung itu masih juga menemaninya.

Pada suatu hari hujan turun lagi dengan lebatnya. Burung layang-layang itu basah kuyup. Sungguhpun ia kesejukan, ia tidak mahu meninggalkan patung itu. Akhirnya ia pun mati di kaki patung itu.

Beberapa hari kemudian seorang yang telah ditolong oleh burung itu dulu terjumpa bangkainya di kaki patung itu. Lalu ia pun membuat sebuah patung burung di situ untuk memperingatinya, dan juga supaya ia dan patung putera raja itu dapat bersama buat selamanya.

Dari cerita inilah maka orang-orang mengatakan burung layang-layang itu burung yang baik-hati dan berbudi.

## ANAK KEMBAR YANG GANJIL

PADA masa dulu di sebuah kampung yang tidak jauh dari Papar seorang perempuan telah beranak kembar. Tapi seorang daripada anak kembar itu sangat ganjil rupanya. Lehernya panjang dan tangan-tangannya seperti sepi ketam. Ia juga berjalan seperti ketam. Ia kuat makan dan minum, sehingga susu ibunya tidak cukup untuk menyusuinya. Badannya besar dan gemuk. Tapi anih, badan itu sangat sejuk, seperti tidak berdarah.

Anak yang seorang lagi adalah seperti manusia biasa. Tapi keadaannya tidak sihat sebab makanan dan susu habis dimakan oleh abangnya yang ganjil tadi.


Beberapa tahun kemudian maka kedua-dua anak kembar ini pun besarlah. Kedua-dua ibubapa mereka sangat sayangkan mereka. Tapi pada suatu hari ibu mereka telah pergi keluar dari rumah dengan keadaan yang letih-lesu. Ia duduk di atas sebatang kayu yang tumbang, dan tidak lama kemudian ia pun mati.

Sepeninggalan isterinya bapa anak-anak kembar itu sangat sedih. Ia tahu kematian isterinya adalah disebabkan oleh anak kembar mereka yang ganjil itu. Mahu rasanya ia membunuh anak itu, tapi ia takut.

Adalah menjadi adat di situ jika seorang ibu beranak kembar dan kemudian mati, maka anak-anak kembar itu mesti dibuang di dalam hutan. Si bapa tadi sayangkan anak-anaknya dan tidak sampai hati untuk membunuh mereka. Maka ia pun mengikutlah adat itu.

Anak-anak kembar itu tadi dibawanya ke sebuah gua. (Menurut ceritanya gua itu dekat landasan keretapi dekat Papar; tapi tiada siapa pun yang pernah berjumpa gua itu.) Maka tinggalah anak-anak kembar itu di situ. Akhirnya bapa mereka juga meninggal dunia. Tapi sebelum itu ia sempat juga berjumpa mereka dan menesankan anaknya yang bersifat manusia supaya menurut dan taat kepada abangnya yang ganjil itu.

Beberapa tahun kemudian kedua-dua adik-beradik itu besar, dan masing-masing keluar mencari kehidupan mereka sendiri. Anak yang ganjil itu masih juga menjaga adiknya seperti yang dipesankan oleh bapa mereka dulu. Kononnya anak yang bersifat manusia mati ketika umurnya masih muda, tapi yang ganjil hidup hingga ke tua.



## DONGENG DI TAMPASAK

PADA suatu masa dulu ada sebuah kampung yang terpencil di daerah Tambunan. Kampung itu letaknya di Tampasak di mana Sekolah Menengah St. Martin bertapak sekarang. Penduduk-penduduk di kampung itu tinggal di sebuah rumahpanjang. Di bukit-bukit di sekitar kampung itu terdapat lubang-lubang kediaman orang-orang kenik.

Pada suatu hari orang-orang di kampung itu telah membakar lubang-lubang itu. Maka semua orang-orang kenik di situ pun matilah. Yang terselamat ialah dua orang yang pergi berburu di hutan.

Alangkah terperanjatnya orang-orang kampung itu apabila mereka sedang mengadakan suatu majlis makan dua orang kenik tiba-tiba datang ke rumah itu. Orang-orang kenik ini terus pergi ke dapur rumah itu dan meminta sepotong daging; mungkin juga mereka hendak membelinya. Tapi beberapa orang perempuan yang sedang berada di dapur itu mentertawa dan meludahkan mereka. Tidak lama kemudian semua orang yang ada di rumah itu pun berbuat demikian juga. Maka orang-orang kenik itu pun marahlah. Orang-orang di rumah itu menyuruh mereka berdua mengambil berapa banyak saja daging yang mereka hendak, tapi mereka terus turun meninggalkan rumah itu dengan tidak mengambil sedikitpun daging itu.

Setelah meninggalkan rumah itu mereka berdua terus pergi ke rumah seorang perempuan tua, dan meminta sedikit tebu.





Orang tua itu memberikan mereka beberapa banyak yang terbawa oleh mereka.

Perempuan tua itu memberi mereka seberapa banyak yang dapat terbawa oleh mereka. Akan orang-orang kenik itu setelah mendapat tebu itu mereka pun terus naik ke bumbung rumahpanjang tadi. Tebu-tebu itu dibuat mereka damak dan dibunuh mereka racun di hujungnya. Kemudian mereka pun menyempit damak-damak itu kepada orang-orang yang sedang bersuka-ria di dalam rumah itu. Maka ramailah orang-orang itu mati. Mana-mana yang tidak terkena sumpitan itu hairan melihat sahabat-sahabat mereka mati dengan tiada tentu sebabnya.

Oleh kerana terlalu ramai orang yang mati maka mayat-mayat mereka pun dikuburkan di dalam sebuah lubang yang besar. Menurut cerita orang sekarang ini sebuah lubang yang besar yang penuh dengan tulang-tulang manusia masih lagi dapat dilihat di Tampasak.



## KEMARAU

BEBERAPA tahun yang lampau hujan telah tidak turun selama dua tahun di suatu tempat di Sabah. Maka semua sungai-sungai di situ pun keringlah. Orang-orang di sana kelaparan kerana mereka tidak ada menyimpan beras-padi sebelum musim kemarau itu. Pokok-pokok kebanyakannya tidak berdaun lagi dan rumput-rumput pun mati.

Walaupun keadaan begitu susah orang-orang di sana tidak mahu berusaha mencari makanan. Mereka hanya suka berkelahi dan memburu kepala, kerana pada masa itu inilah menunjukkan keberanian dan kekuatan seseorang. Maka tinggallah kaum-kaum perempuan mereka untuk menjaga anak dan mencari makanan.


Setelah sekian lama hujan tidak turun maka kaum-kaum wanita itu pun bersungutlah. Tanam-tanaman mereka semua mati dan mereka tidak dapat mencari makanan lagi. Sungai-sungai tempat mereka menangkap ikan semuanya sudah kering. Maka setelah itu barulah kaum-kaum lelaki itu mahu bekerja. Ada yang membuat jerat dan ada yang pergi memburu binatang. Tapi di hutan juga tidak ada binatang lagi sebab mereka lari mencari air. Akhirnya ramailah daripada penduduk-penduduk di situ mati kerana lapar dan dahaga. Hanya beberapa orang saja yang belum mati. Tapi mereka ini juga tidak dapat menahan lapar dan dahaga. Jadi mereka pun mengambil keputusan untuk membunuh diri.

Maka mereka pun masing-masing mengasah parang. Tapi setelah mereka mengasah parang itu terdengarlah kepada mereka suatu suara yang berkata:

"Kalau kamu semua mahu hidup, makankanlah kami!"

Mereka terperanjat mendengar suara itu, dan mencari dari mana datangnya. Setelah puas mencari mereka pun mendapati bahawa suara itu tadi datangnya dari serumpun tumbuh-tumbuhan yang daun-daunnya saja yang masih hijau di waktu itu.

Maka mereka pun memakankan batang tumbuhan itu. Tumbuh-tumbuhan itulah yang menyelamatkan mereka hingga musim kemarau itu tamat. Tumbuhan ini digelar komburiyong. Samada ia masih ada lagi sekarang tidaklah diketahui.



## BATU PUNGGUL

BATU Punggul ialah batu yang berbentuk seperti sebatang kayu. Batu itu letaknya kira-kira 24 batu darilapanganterbang Sapulut. Batu ini tingginya lebih kurang 400 kaki dan lilitannya kira-kira sebatu persegi.

Orang-orang Murut percaya pada zaman dulukala ada enam orang adik-beradik tinggal di tempat ini. Mereka hanya mempunyai seorang adik perempuan. Adik mereka itu adalah seorang gadis yang tercantik dalam kampung itu. Oleh sebab itulah mereka sangat sayang kepadanya. Sebelumnya Batu Punggul berada di kampung Sapulut, ada seketul batu yang berbentuk serupa, di hulu sungai Sapulut. Di kemuncak batu itu tinggal seekor binatang yang bernama Tuduh (landak). Binatang ini mempunyai suatu bau yang luarbiasa. Bau ini boleh membunuh beratus-ratus orang yang tinggal berhampiran dengan batu itu. Tujuh orang adik-beradik tadi sangat bencikan binatang itu. Jadi mereka pun merancang untuk membunuhnya.

Pada suatu pagi pemuda yang berenaim itu pun cuba menebang batu itu. Tapi mereka gagal. Malam itu adik perempuan mereka bermimpi batu itu hanya dapat ditebang dengan tulang dayung seekor landak tunggal yang tinggal di situ. Apabila ia bangun ia pun menceritakan mimpinya kepada abang-abangnya. Maka mereka berenam pun terus pergi ke hutan untuk memasang jerat untuk menangkap landak itu. Mula-mula mereka cuba menggunakan batang kayu, tapi tidak berjaya. Akhirnya mereka pun menggunakan batang pisang. Apabila binatang itu sudah terperangkap ia pun




Adik perempuan mereka sangat cantik.

terus disembelih. Dagingnya mereka makan dan tulang-tulangny mereka buat kan kapak untuk menebang batu itu tadi.

Sebelum mereka menebang batu itu adik perempuan mereka mereka letakkan di atas sebuah batu lain yang tidak jauh dari situ. Dengan sekali tetak saja batu itu tadi telah pecah dan jatuh ke dalam sungai Sapulut. Tapi batu tempat mereka meletakkan adik mereka tadi telah tiba-tiba menjadi tinggi. Adik mereka menjerit-jerit minta tolong. Apabila dilihat mereka adik mereka di atas batu yang tinggi itu mereka pun menebangkan batu itu. Kemuncak batu itu pun pecah dan terpelanting ke Tenom Lama. Sekarang ini batu itu digelar Batu Pinuto, letaknya di antara Tenom dan Panggi, dan keretapi lalu menembusnya.

Akan abang yang berenam itu tadi tidaklah mereka dapat mencari adik mereka yang terpelanting bersama kemuncak batu itu tadi. Jadi mereka pun masing-masing pergi mencarinya.



## TAROB

GERHANA bulan sering berlaku, dan kebanyakan orang tahu apa yang menyebabkan gerhana bulan itu. Tapi menurut kepercayaan penduduk-penduduk di Tambunan dan mungkin juga di beberapa tempat lain di Sabah, gerhana bulan itu adalah disebabkan oleh seorang raksaksa. Kononnya apabila bulan itu ditelan oleh raksaksa ini maka gerhanalah ia. Mereka menggelar raksaksa ini Tarob atau Barob, yang bererti gelojoh.

Mereka percaya Tarob menelan bulan itu kerana makanan yang disediakan oleh emaknya tidak cukup untuk mengenyangkannya. Apabila bulan itu ditelannya maka keadaan di dunia pun gelaplah.

Waktu gerhana bulan sesiapa yang melihatnya mesti memberitahu ketua keluarganya, kemudian memukul gong supaya orang-orang lain juga tahu. Kemudian sebuah unggun api juga dinyalakan. Orang-orang semua keluar dari rumah mereka, membawa gong-gong dan apa saja yang boleh berbunyi jika dipukul. Barang-barang ini diletak di atas hamparan yang digelar saab. Mereka memukul-mukul gong-gong itu sambil memanggil-manggil dan meminta Tarob melimpahkan rezeki kepada mereka. Kadang-kadang mereka menembakkan senapang ke arah bulan itu.

Apabila emak Tarob mendengar pukulan-pukulan gong itu ia pun memberitahu anaknya mereka itu marah; dan ia menyuruh anaknya meluahkan bulan itu. Maka Tarob pun mengikutlah kata emaknya, dan orang-orang pun gembiralah melihat bulan itu keluar semula.





Walaupun ia menelan batu, namun ia tidak kenyang.

Kemudian mereka pun membawa barang-barang itu tadi balik ke rumah masing-masing. Lepas'itu setiap ketua keluarga akan pergi ke perigi dan membawa botol. Botol itu diisikan dengan air dan batu, sambil itu mereka bermohon:

"Tarob, tolonglah limpahkan rezeki kami, dan berilah kami oleh (beras-padi) yang banyak. "

Botol itu ditutup dan digantung ke leher. Kemudian ianya di simpan di dalam pondok padi mereka. Kalau padi mereka pada tahun itu tidak jadi mereka mengata Tarob tidak berkenan kepada mereka. Jadi mereka pun berdoa semoga tahun hadapan Tarob akan memberi rezeki kepada mereka.




# TENGGELAMNYA SEBUAH RUMAH PANJANG

DI SUATU tempat dekat kampung Patau di Tambunan ada sebuah paya. Kononnya paya itu adalah bekas sebuah rumahpanjang. Di tengah-tengah paya itu ada seponon pokok yang dulunya pernah mengeluarkan bermacam-macam buah, seperti buah pisang, limau dan mentimun. Penduduk-penduduk di rantau itu takut pergi ke tempat ini sebab mereka percaya ianya ada berpenunggu.

Ceritanya begini. Pada suatu petang orang-orang di rumahpanjang itu telah mengadakan sebuah jamuan yang besar. Mereka makan dan minum dan menari. Apabila mereka penat menari mereka mencari jalan lain untuk menghiburkan mereka. Maka mereka pun mengambil monyet peliharaan mereka, anjing dan kucing dan menyuruh binatang-binatang ini menari. Kemudian mereka bersorak dan tertawa melihat binatang-binatang yang menari itu.

Akan binatang-binatang itu mereka menarilah dengan tidak berhenti-henti. Orang-orang yang memukul gong itu tidak dapat memukul lagi kerana terlalu ketawa. Tapi binatang-binatang itu masih menari juga. Kata orang mereka telah dirasuk syaitan.

Hanya seorang saja penduduk di rumahpanjang itu tidak mengikut temasya ini. Ia telah tertidur kerana terlalu mabuk. Tapi ia telah tiba-tiba terbangun apabila ia mendengar suatu suara yang memanggilnya. Apabila ia membuka matanya dilihatnya satu pemandangan yang menakutkan. Dari langit yang hitam itu kelihatan wajah syaitan yang bermata dan bertelinga besar memandang ke



Dari langit yang hitam itu kelihatan wajah syaitan .....

bawah, ke rumahpanjang itu. Kedua-dua belah tangannya dihulurnya menuju ke rumah itu. Lembaga itu tidak berkata apa-apa kepada orang yang baru bangun itu, tapi ia tahu lembaga itu datangnya hendak memusnahkan rumahpanjang itu.

Maka orang itu pun bangun dengan terketar-ketar dan memberitahu orang-orang yang di rumahpanjang itu apa yang telah dilihatnya. Tapi mereka hanya mentertawakannya dan mengatakan ia gila. Maka ia pun tidak peduli lagi dan terus menarik isterinya keluar dari rumah itu. Baru pun mereka melangkah keluar hujan pun turun mencurah-curah, dan rumahpanjang itu pun tenggelam perlahan-lahan ke dalam tanah yang lembik disebabkan hujan itu.

Paya yang kelihatan sekarang adalah tanah yang ditimbus ke dalam lubang bekas rumahpanjang yang tenggelam itu.

Menurut cerita orang, suami-isteri itu tadi lari ke sebuah tempat yang sekarang ini digelar Patau, dan merekalah nenek-moyang penduduk-penduduk di situ.

## DONGENG BATU BAJAU


PADA suatu masa dulu di Kampung Salibog, dalam daerah Tambunan, tinggal seorang lelaki yang sangat tinggi. Lelaki ini bernama Bajau, kerana dia berasal dari puak Bajau. Isterinya bernama Pangkug; ia juga tinggi seperti Bajau. Kata orang ia juga mempunyai buahdada yang sangat panjang, terjuntai hingga ke pinggangnya.

Tiada siapa pun yang ada sekarang ini tahu berapakah tinggi Bajau yang sebenarnya. Tapi menurut cerita-cerita yang pernah didengar, Bajau itu sangat besar. Kononnya apabila ia berjalan di dalam sungai ramai orang yang mengikutnya dari belakang untuk mengutip ikan-ikan yang mati dipijaknya kerana kakinya sangat besar. Maka jiran-jirannya pun beruntunglah, dan apabila mereka mahu ikan mereka menyuruh Bajau baring merentang sungai Pegalan. Kemudian mereka pun mengambil ikan-ikan yang terdampar di sebelah bahagian sungai yang kering itu.

Pada masa itu perkelahian sering berlaku di antara puak-puak yang tinggal dalam negeri itu. Orang-orang di Solibog sangat-sangat dibenci oleh puak Tasapang, puak yang tinggal di bukit-bukit. Ini ialah sebab orang-orang Tasapang itu dengki melihat orang-orang Salibog senang oleh Bajau. Maka orang-orang Tasapang pun bercadang hendak membunuh Bajau. Mereka menyediakan sumpitan dan damak-damak beracun dan menyerang Bajau. Tapi perbuatan itu semuanya gagal kerana kepada Bajau serangan damak-damak itu adalah seperti gigit nyamuk saja.

Orang-orang di kampung Bajau menghormatinya kerana ia menolong mereka mendapat ikan dengan mudah. Mereka lebih-lebih lagi menghormatinya apabila ia dapat mengangkat seketul batu yang besar dan meletakkannya ke suatu tempat di mana ia mahu dikuburkan apabila ia mati nanti. Orang-orang di situ telah mencuba mengangkatnya tapi gagal. Batu itu sekarang dikenal sebagai Batu Bajau. Batu ini adalah sebagai bukti yang Bajau memang benar ada beberapa tahun dulu. Mungkin juga kalau tiada batu ini Bajau tentu telah dilupai orang.

Batu ini tingginya kira-kira lapan kaki dan lebarnya dua kaki. Ramai orang percaya yang batu ini berpuaka; dan sesiapa yang menggonggungnya akan jadi sakit. Tidak berapa lama dulu kononnya puaka batu itu telah mengganggu orang-orang yang lalu-lintas di situ. Kononnya orang-orang yang kena ganggu ialah mereka yang memakai baju buruk. Oleh yang demikian orang-orang sangat takut kepada batu ini, dan tidak berani melimpasinya kalau mereka berpakaian buruk.



## DONGENG KIBAMBANGAN

DI TAMBUNAN ada sebuah tempat yang cantik yang pernah diduduki oleh suatu puak yang tidak terdapat lagi sekarang. Tempat ini letaknya di lereng bukit yang curam, dekat muara empat buah sungai: Sungai Pegalan dan Sungai Mauwa dari utara, Sungai Tombatu dan Sungai Sunsuron dari barat. Penduduk-penduduk yang tinggal di situ banyak bertanam pokok buah bambangan. Pokok-pokok buah ini berbuah dua kali dalam setahun. Waktu pokok-pokok itu berbuah maka ramailah penduduk-penduduk di sana pergi mengarang buahnya. Sungguhpun terdapat buah-buahan seperti langsung, durian dan kelapa, tapi buah bambanganlah yang paling banyak di situ. Oleh yang demikian tempat itu pun digelar Kibambangan. Banyak lagu dan dongeng-dongeng yang dicipta dan dicerita mengenai tempat ini. Berikut adalah sebuah daripada dongeng-dongeng itu. Dongeng ini ialah dongeng yang sedih yang mengisahkan mengapa orang-orang di Kibambangan berpindah dari situ ke tanah lembah yang di bawahnya.

Pada suatu masa dulu, pada musim buah bambangan, seorang pemuda yang bernama Kintum telah pergi melawat kawan-kawannya yang tinggal di tempat itu. Tapi kawan-kawannya tidak ada di rumah; mereka telah pergi mengambil buah bambangan. Setelah bertanya arah manakah dusun bambangan itu, Kintum pun pergi mengikut jejak mereka. Apabila ia sampai ke tempat itu dilihatnya kawan-kawannya sedang asyik makan buah-buah itu. Maka ia pun turutlah makan bersama. Oleh kerana cuaca petang itu sangat baik maka mereka pun bercadang menunggu hingga bulan terbit baru mereka akan balik. Maka mereka pun makan-makan dan berbual-bual.



Bulan baru saja mengambang apabila Kintum melemparkan setengah buah bambangan yang sudah dimakannya ke arah tebing anak sungai yang berbatu-batu, kira-kira enam kaki dari tempatnya duduk itu. Terdengar bunyi buah itu jatuh ke dalam air. Seketika kemudian ia hairan melihat buah itu dilempar balik kepadanya. Buah itu jatuh dekat kakinya. Kawan-kawan yang lain tidak sedar apa yang sedang berlaku. Kintum mengambil buah itu dan melemparkannya kembali. Secepat kilat buah itu sampai kepadanya lagi, tapi kali ini bukan dalam bentuk buah tapi dalam bentuk jari manusia. Kawan-kawannya juga melihat apa yang sedang terjadi. Mereka berdiri mengerumuni Kintum tanpa berkata sepatah pun. Kintum mengambil jari itu dan memerhatinya. Jari itu nampaknya masih baru tapi tidak berdarah. Maka Kintum pun melemparkan jari itu ke arah tempat datangnya. Sekejap kemudian benda itu datang lagi, kali ini mengena mukanya dan jatuh di kakinya. Tapi apabila mereka melihatnya ianya bukan jari tapi lengan manusia. Maka mereka pun takutlah dan larilintang pukang memuju ke rumah masing-masing. Parang dan pisau mereka habis ketinggalan.

Orang-orang kampung terperanjat mendengar pemuda-pemuda yang lari terpekik-pekik itu. Setengah daripada mereka tidak percaya kepada cerita yang didengar mereka dari pemuda-pemuda itu tadi. Mereka hendak pergi melihat dengan mata-kepala mereka sendiri. Tapi bomoh-bomoh tidak membenarkan mereka.

"Aku tahu apa maknanya semua ini," kata seorang daripada mereka. "Bencana besar akan menimpa kampung kita. Kintum sepatutnya tidak boleh membuang buah bambangan yang sudah dimakan. Tahukah kamu apa yang sudah terjadi? Mungkin buah itu telah mengena kepada anak atau iblis yang tua. Aku pun tak tahu, tapi baiklah kita tunggu saja."

Maka orang-orang kampung pun sedihlah mendengar apa yang dikatakan oleh bomoh itu. Mereka tahu apa yang dikatakan oleh bomoh itu mesti berlaku kerana mereka percaya benar kepadanya. Bomoh-bomohlah yang mengubat mereka waktu mereka sakit. Mereka percaya penyakit-penyakit mereka adalah disebabkan oleh iblis-syaitan, dan bomoh-bomoh itu telah menghalaukan iblis-iblis itu.



Mereka lari lintang pukang.

Beberapa hari setelah kejadian buah bambangan tadi maka Kintum pun jatuh sakit. Tidak lama kemudian ia pun mati. Ibubapanya telah berusaha mengubatnya dengan berbagai ubat dan memanggil bomoh-bomoh. Tapi semuanya tidak berhasil. Kata bomoh-bomoh itu penyakit Kintum tidak dapat diubat sebab ia telah menyebabkan hantu jahat sangat marah. Tiada siapa pun yang dapat mengubatnya.

Tidak lama selepas kematian Kintum maka pemuda-pemuda lain di kampung itu juga mati. Tiada seorang pemuda pun yang tinggal. Lepas itu diikuti pula oleh kematian anak-anak gadis. Maka orang-orang di kampung itu pun tidaklah putus-putus menggali kubur untuk anak-anak mereka yang telah mati itu.

Apabila anak-anak gadis sudah habis maka kanak-kanak pula yang mati. Orang-orang kampung tidak dapat lagi menggali kubur untuk seorang mayat. Maka mereka pun menaruhkan mayat-mayat itu di dalam tangkob (pasu besar untuk menaruh padi) dan tajau-tajau besar. Kemudian mereka menguburkan mayat-mayat itu di dalam sebuah lubang yang besar.

Mana-mana keluarga yang anak mereka terselamat terus lari berpindah meninggalkan bukit itu. Mereka tinggal di tebing sungai Sunsuron, di tempat yang sekarang ini digelar Talungan. Namun demikian ada juga anak-anak mereka yang mati. Mana-mana yang terselamatlah yang menjadi nenek-moyang orang-orang yang tinggal di sekitar Talungan sekarang ini.

Talungan bukanlah lagi sebuah kampung kerana bah besar dalam tahun 1933 telah memecahkan kampung itu. Ramai penduduk di situ mati lemas. Dalam tahun 1960 sungai Sunsuron bah sekali lagi. Empat buah rumah telah dihanyutkan oleh bah itu. Sebuah daripada rumah itu ialah rumah seorang bomoh tua. Kata orang rumah itu binasa sebab ada hubungannya dengan cerita sedih yang berlaku beratus-ratus tahun dulu.

## GADIS YANG MERINDUKAN BULAN

PADA suatu masa dulu ada tujuh orang adik-beradik, enam orang lelaki dan yang bungsu perempuan. Ibubapa mereka meninggal apabila yang bungsu itu baru berumur lapan tahun. Maka abang yang tertua sekalilah yang menjagakan adik-adiknya. Adik bungsu mereka sangat cantik dan comel, dan semakin ia besar semakin bertambah cantiknya. Begitu juga dengan abang-abangnya. Nama gadis itu ialah Runduk-Tadau.

Pada suatu hari abang-abang Runduk-Tadau telah pergi berburu ke dalam hutan. Waktu ia sedang memasak di dapur tiba-tiba seorang pemuda kacak datang ke pondok mereka. Runduk-Tadau merenung pemuda itu. Ia hendak lari meninggalkan pemuda itu tapi pemuda itu menahannya. Katanya ia hendak menjadikan Runduk-Tadau isterinya. Runduk-Tadau termenung seketika, kemudian ia pun setuju. Setelah lama bercakap-cakap pemuda itu pun baliklah. Runduk-Tadau tidak memberitahu abang-abangnya tentang pemuda itu apabila mereka balik.

Tiap-tiap hari selepas itu pemuda itu datang lagi ketika abang-abang Runduk-Tadau tidak di rumah. Pada suatu hari pemuda itu pun mengajak Runduk-Tadau ke rumahnya. Ia setuju, dan sebelum pergi ia memberitahu abang-abangnya ia hendak bermain-main di luar. Mereka tidak melarangnya kerana mereka fikir ia jemu duduk-duduk di rumah saja.

Pemuda tadi telah menunggunya di luar. Maka mereka pun berjalanlah hingga mereka sampai ke seponon pokok yang berbentuk

seperti tangga. Pemuda tadi dan Runduk-Tadau pun memanjat pokok itu. Malangnya pokok itu licin dan Runduk-Tadau pun terjatuhlah, dan terus pengsan. Apabila ia sedar dari pengsannya dilihatnya pemuda itu tiada di situ lagi. Sejak hari itu ia tiada lagi melihat pemuda itu.

Tidak lama setelah itu ia pun bermimpi. Dalam mimpinya ia melihat pemuda yang mengajaknya berkahwin dulu ialah bujan yang telah menukarkan dirinya sebagai manusia.

Runduk-Tadau sangat rindu kepada pemuda itu. Maka apabila bulan mengambang ia pun duduk di jendela me rindukannya.



## PALINGAS

PADA suatu masa dulu, penduduk-penduduk Pagun Nentolob, dekat Bunsit, pergi ke sawah untuk menyemai padi. Seorang daripada mereka membawa anjingnya bersama. Tiba-tiba di tengah jalan anjing itu menyalak sebuah batu besar dan menggali-gali di sekelilingnya. Orang-orang itu hairan melihat perbuatan anjing itu, dan dengan menggunakan kayu penugal mereka, mereka pun menggali batu itu. Apabila batu itu tergali maka kelihatanlah sebuah lubang yang besar, dan dari lubang itu keluarlah beberapa orang manusia. Seorang daripada mereka ini bernama Palingas. Ia menyuruh orang-orang tadi menahankan batu itu dengan kayu-kayu penugal mereka kerana katanya rajanya belum lagi keluar. Tapi orang-orang itu tidak dapat tertahan lagi. Maka lubang itu pun tertutuplah semula oleh batu tadi. Orang-orang yang keluar dari lubang itu mengatakan mereka sedang mencari sebuah tempat yang baik untuk tinggal.

Pada suatu hari apabila Palingas pergi berburu isterinya membawa anak perempuan kecil mereka pergi ke sungai untuk mencuci kain. Apabila kanak-kanak itu melihat sekuntum bunga yang indah di tengah-tengah sungai itu ia pun terjun untuk mengambilnya. Maka ia pun terus tenggelamlah. Isteri Palingas balik ke rumah dan meminta tolong kawan-kawannya mencari kanak-kanak itu. Tapi mereka tidak berjaya. Apabila Palingas balik dari berburu dan mendengar anaknya telah lemas di dalam sungai ia pun terus mengambil pedangnya dan pergi ke sungai itu. Ia menyelam di dalam sungai yang dalam itu, dan dilihatnya anaknya sedang berada di dalam sebuah gua dengan seekor naga. Maka



Palingas pun melawan naga itu.

Palingas pun melawankan naga itu. Ia berjaya membunuh naga itu dan membawa anaknya balik. Bangkai naga itu juga dibawanya bersama. Apabila sampai di rumahnya ia pun mengambil kulit naga itu. Kulit itu dan kulit babi oleh ia berburu dibuatnya sebuah gendang. Kemudian gendang itu digantungnya ke dinding.

Setelah itu Palingas pun bersiap-siap untuk pergi mengayau (memburu kepala manusia). Ini ialah untuk digunakan di suatu pesta untuk menghormati gendang itu tadi. Sebelum ia pergi ia telah berpesan kepada keluarganya supaya jangan memegang gendang itu. Ia juga berkata bila ia balik nanti ia akan meniupkan serulingnya.

Sepeninggalan Palingas beberapa orang kanak-kanak telah bermain-main di rumah itu, dan dengan tidak sengaja tersentuh gendang itu. Satu suara terdengar menyuruh kanak-kanak itu ketawa. Maka kanak-kanak itu pun ketawalah. Mereka ketawa tidak berhenti-henti. Apabila isteri Palingas mendengar kanak-kanak itu ia pun memanggilkan jiran-jirannya. Mereka tidak percaya gendang itu pandai berkata-kata. Maka mereka pun memukulnya, dan gendang itu pun menyuruh mereka berkelahi. Mereka memukulnya sekali lagi, dan gendang itu pun menyuruh mereka berbunuh sesama sendiri. Mereka menurut saja apa yang disuruh oleh gendang itu.

Beberapa hari kemudian maka Palingas pun kembalilah dari mengayau. Apabila ia sampai dekat rumahnya ia pun meniupkan serulingnya. Tapi tiada seorang pun yang datang menyambutnya. Apabila Palingas dan sahabat-sahabat yang sama dengannya mengayau tadi sampai ke rumah itu dilihat mereka orang-orang di rumah itu semuanya sudah mati. Maka mereka pun meninggalkan tempat itu dengan sedih. Palingas membawa bucin sumpitannya dan pergi ke hutan untuk memasang jerat binatang. Apabila ia datang untuk melihat jerat-jeratnya entah bagaimana ia pun terkena jerat itu dan terus mati.



## ADAT-ADAT MENGENAI KEMATIAN

SUKU-SUKUBANGSA di Sabah mempunyai adat-adat kematian masing-masing; tapi ada juga adat-adat itu hampir serupa. Misalnya jika seorang itu sakit kuat dan dijangka akan mati, maka saudara-maranya akan memukul tiang-tiang rumah itu dengan harapan semoga ruh si sakit itu jangan meninggalkan badannya. Dan apabila si sakit itu mati gong-gong akan dipalu untuk memberitahu saudara-mara dan sahabat-handainya si sakit sudah mati. Apabila mendengar bunyi gong-gong itu maka mereka pun datanglah ke rumah si mati itu dengan membawa buah-buahtangan yang berupa tapai (tuak) ayam dan beras.

Di Ulu Padas apabila seseorang itu sakit kuat maka seekor ayam yang sudah disembelih diletak dekat hidungnya. Apabila si sakit tadi mati maka selaras senapang yang berpeluru pun diletakkan dalam tangannya dan jarinya diatur seolah-olah memetik picu senapang itu. Pukulan gong dan ratapan orang-orang perempuan adalah cara-cara biasa untuk menandakan adanya kematian. Mayat itu dimandi dan dikenakan pakaian sebelum ianya dikebumikan. Kadang-kadang ada juga mayat itu didudukkan dan dihidang dengan jamuan serta diberi nasihat, seolah-olah ianya masih hidup.

Di daerah Marudu mayat itu didudukkan dan ditaruhkan rokok di mulutnya. Di sisinya diletakkan tepak sirih. Sahabat-handai duduk mengelilinginya dan menasihatinya supaya berjalan lurus dengan tidak membeluk ke kiri dan ke kanan, kerana kononnya jalan lurus itulah jalan menuju ke Gunung Kinabalu. Upacara ini berjalan duapuluh empat jam, kemudian barulah mayat itu dikebumikan

dengan harta-bendanya sekali.

Orang-orang asli di Minansut, sebuah kampung yang tidak jauh dari Keningau, menyimpankan mayat selama tiga hari sebelum mengembuskannya. Dalam tempuh tiga hari itu isteri si mati tadi disuruh merangka ke biliknya dan dilarang makan. Ia hanya dibenarkan minum air saja. Setelah mayat suaminya dikebumikan ia tidak dibenar tersenyum atau nampak girang. Rambutnya tidak dibenar disikat selama tujuh hari. Pada hari yang ketujuh selepas pengebumian, suaminya maka beberapa orang perempuan akan menemaninya mandi ke sungai untuk membersihkannya. Tapi sebelum itu ia memukul gong dan teman-temannya tadi menyanyi sambil menghentak-hentakkan kaki mereka. Adat ini digelar mendawai. Beberapa jam kemudian mereka pun mandi dan balik ke rumah si mati tadi di mana mereka berjamu minum tapai.

Di Kampung Pantai, Tambunan, apabila seseorang itu telah mati maka seorang pendeta perempuan akan dipanggil. Pendeta ini menceritakan mimpi-mimpinya kepada mayat itu. Kemudian barulah mayat itu ditaruh ke dalam keranda dan diletak dua bilah parang di sebelah menyebelahnya. Ini ialah untuk menjaganya dalam perjalanannya ke Gunung Kinabalu. Sesiapa yang mengikut menghantar jenazah itu ke tempat perkuburan mesti mandi dan membasuhkan perkakas-perkakas yang dibawa mereka di dalam sungai sebelum mereka balik ke rumah masing-masing. Perkakas-perkakas tadi mesti ditinggalkan di rumah si mati selama tujuh hari.

Pada hari yang ketujuh saudara-mara si mati itu pergi menghiaskan kubur itu. Biasanya setelah dihias kubur itu nampaknya seperti sebuah pondok kecil yang dihiasi dengan berbagai-bagai rekabentuk. Di empat-empat penjuru kubur itu dipasangkan bendera putih, dan di hadapannya dicucukkan sepasang tanduk kerbau. Kemudian mereka balik ke rumah si mati tadi untuk jamuan tapai.

Orang-orang Murut dan Kadazan biasanya mengubur mayat-mayat di dalam tajau, mengikut adat yang dilakukan oleh beberapa sukubangsa di Pulau Borneo. Ini juga mengikut keadaan hidup keluarga si mati tadi. Jikalau keluarga itu terdiri dari orang yang berada, maka mayat tadi ditaruhkan di dalam sebuah tajau besar.

Tajau itu terlebih dulu dipotong dan mayat itu didudukkan di dalamnya. Mulut tajau itu ditutup dengan sebuah gong.

Jikalau simati itu dari keluarga yang miskin maka ianya ditaruh di dalam keranda saja. Adat ini biasa digunakan sekarang.

Orang Murut di Rundum menguburkan mayat mereka di dalam keranda. Setelah beberapa lama maka kubur itupun di gali semula, dan tulang-tulang si mati tadi ditaruhkan di dalam tajau. Kemudian tajau itu dikuburkan. Biasa juga mayat itu terus di kubur di dalam tajau.

Di beberapa daerah biasa juga terdapat mayat-mayat itu ditaruh di dalam tajau dan tajau itu disimpan di dalam rumah selama tujuh hari sebelum dikebumikan. Waktu mayat itu masih di dalam rumah keluarga dan sahabat-handai si mati itu mengadakan jamuan makanan dan minuman. Lepas itu barulah tajau itu ditanamkan dekat kampung itu, atau di sebuah tempat yang sunyi.

Pada masa dulu orang-orang di Limbawan menanamkan mayat-mayat mereka di bawah rumah. Ada juga cerita yang mengatakan hanya kanak-kanak saja dikuburkan di bawah rumah. Tapi adat ini tidak tentu. Biasanya seseorang itu memberitahu keluarganya di mana ianya mahu dikuburkan apabila ia mati kelak, dan mereka membuat seperti yang telah dipesannya.

Orang Kadazan di Pau, dalam daerah pendalaman Tuaran, memecahkan buntut tajau itu sebelum menanamkannya. Ini ialah supaya tajau itu kelak tidak dapat digunakan lagi.

Menurut kepercayaan orang-orang Murut di Keningau, apa-apa yang dimakan masa menjagakan mayat itu adalah menjadi bekalan si mati di akhirat. Jadi, jika seguni beras telah dimakan, dua ekor kerbau telah disembelih dan sepasu tapai telah diminum, maka sebanyak itulah harta yang dibawa si mati itu ke akhirat. Jikalau seseorang itu mati ketika keluarganya keputusan beras, tajau itu tidak ditanam hapus di dalam tanah - mulutnya dibiarkan nampak. Apabila keluarganya mampu mengadakan jamuan kenduri si mati, maka barulah tajau itu ditanam hapus-hapus ke dalam tanah.

harga: m\$1.40



Бетанна Машуктс.